



**i** Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call.  
Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.

Home > Newspaper Catalogue > Berita Harian > 1963 > March > 25 > Page 4 > Ra'ayat menyambut PLB dengan gotong royong...



## Ra'ayat menyambut PLB dengan gotong royong...

Berita Harian, 25 March 1963, Page 4

Share    



Save Citation

[« Previous Article](#) [Next Article »](#)

# Ra'ayat menyambut PLB dengan gotong royong ...



**Tetapi orang tengah**



maseh merajalela

Pembangunan di-Semenyeh



Oleh



Zainal



# Zaini Lembang

PERNAH di-utarakan pengapet di-suatu ketika dulu bahawa Ranchangan Pembagunan Luar Bandar kerajaan ada-lah merupakan usaha2 kerajaan yang sa-besar2-nya (di-lapangan ekonomi) untuk menyelamatkan bangsa kita dari-pada hanyut dan tenggelan di-bawa oleh arus zaman dan kerunchingan2 hidup mereka sendiri.



Betul tidak-nya pen-dapat ini tidak-lah merupakan soal pen-ting; kita sa-harus-nya menyelideki latar belakang perkemba-nungan kemajuan ma-sharakat kita (dari segi sejarah), serta mengkali pula ran-changan2 pembangu-nan yang kini sedang giat di-usahakan.



Sa-panjang perjalan ki-ta dari Kajang ka-Seme-nyeh, ternyata benar pem-bangunan luar bandar pe-sat sekali—kebun2 getah baru menghijau di-kiri ka-nan jalan raya itu.

## Rasa bangga



Ada yang telah di-toreh ada pula yang baru di-ka-winkan, dan ada pula yang sedang di-tebang.

Sa-kali ralu hati kita be-rasa bangga dan puas, te-tapi bila kita di-beri tahu tanah2 orang kita hanya kebanyakkan di-kampong dan di-tepi2 bukit sahaja kita berasa kechewa sa-mula.....

Di-kampong2 suasana ke-tenang-un dan kebekuan hi-dup "takuk lama" hanya baru2 ini sahaja dapat di-ubah.

Chuba kita tilek rancha-ngan2 pembangunan di-da-erah Ulu Langat.

Pada tahun 1961 dulu, Pe-gawai Daerah Kajang telah

mengumumkan r a n g k a ranchangan2 di-daerah ini. Ranchangan lima tahun Ulu Langat yang menelan belanja sa-banyak 16 juta itu ada-lah untuk usaha2 yang berikut:

1) Untuk membuka jalan baru yang panjang-nya 40 batu, dengan harga \$3 juta; dan membaiki jalan sa-panjang 32 batu dengan menelan yang -banyak \$2 juta.

## Ranchangan2

2) Ranchangan2 bekalan ayer bagi empat buah kampong (2 juta) bagi munafaat 21,000 pendudok.

3) Sa-banyak enam buah sekolah baru akan di-dirikan. lima klinik2, dan 14 pacang2 permainan. Semua ini menelan perbelanjaan sa-banyak \$350,000.

(4).25 balai raya akan di-dirikan :

(5) Bekalan letrik juga akan di-beri kapada dua puloh dua buah kampong di-serata daerah ini untuk kali pertama-nya.

Ranchangan yang akan

memberi munafaat kepada 4,765 orang pendudok ini akan menelan belanja sa-banyak \$1,765,000.

Yang terakhir sa-kali ia-lah ranchangan pembukaan tanah baru.

Ini-lah ranchangan yang paling berarti sa-kali. Sa-banyak kurang lebuh 2,000 ekar tanah2 baru akan dibuka untuk menolong orang2 Melayu, China dan India seluroh-nya.

Ranchangan tanah ini telah berjalan dengan pesat dan lichin-nya di-Sungai Tekali, Sungai Merap dan lain2.

Yang menarek perhatian sa-kali ia-lah ranchangan pembangunan kampong yang telah berjalan di-Sungai Lalang, satu batu dari pekan Semenyeh itu

**SENDIRI**

Ranchangan ini menitek-beratkan tanam2an di-kampung serta ternak2an.

Berbagai2 jenis pokok buah telah di-semaikan di-tempat yang khas dengan mendapat pengawasaan yang khas pula dari pegawai pertanian yang di-datangkan dari Cheras.

Di-samping itu ada pula ranchangan ternakan, seperti lembu, kambing dan ayam.

Bukan hanya sa-takat kemajuan mata benda sahaja yang ternyata, tetapi yang penting dan yang paling

berma'ana sekali ia-lah 'masharifikat di-Sungai Lalang ini telah berjaya mengembelingkan tenaga bersama ka-arah suatu matlamat—kemajuan.

Jelas sekali caripada chara penduduk di-sini mengedalikan ranchangan kemajuan mereka sendiri; semangat bergotong royong yang telah di-lenyapkan oleh kuasa2 penjajah kini timbul kembali.

## **Perubahan2**

Ini semua ada-an kerana kejayaan dan kechekapan pimpinan Dato' Da-gang di-kawasan itu — Dt Derani—yang telah lanjut umor-nya; tetapi maseh mempunyai sifat2 pemimpin yang cergas dan maju

Semangat gotong royong di-kawasan ini ada, tetapi tidak-lah sa-luas atau pun sa-kuat yang terdapat di-Kampung Sungai Lalang tadi.

Itu hanya lebih merupakan semangat persaorangan atau kelumpok2 sahaja-

belum meliputi dan mere-sapi keselurohan penduduk di-kampung2 itu.

Sa-orang kawan mengajak saya berjalan2 ka-ladang mereka. Kami lantas me-nebang beberapa tandan pisang untuk di-jual.

Tetapi saya agak berasa kechewa bila sampai di-pekan. Mengapa?

Dulu, enam tahun dahulu, harga sa-kati pisang Restali meningkat 15 sen, pisang Embun 12 sen, pisang Nangka 7 sen, pisang Tuman 12 sen dan pisang Awak maseh lagi laku 5 sen.

NLB  
Kini keadaan telah berubah—jauh berubah.

Pisang Awak hanya 3 sen harganya, pisang Kapas jarang2 laku, pisang Restali pula laku 5 hingga 7 sen. Itu pun mesti pula yang besar2.

Jadi pisang yang saya bawa tadi itu (tiga tandan) datat-lah \$1.65 semuanya. Jumlah kati-nya ialah 56; harga-nya tiga sen sa-kati.

NLB  
NLB  
Sa-lepas itu kami pun

pergi-lah ka-kedai kopitiam tadi mungkin kasehan kapada saya kerana "sa-chawan" peloh keluar sa-masa mengandar dan mengayoh basikal tua itu ka-pekan.

NLB  
Sa-lepas makan dan minum teh kawan tadi itu membayar \$1.20.

Ini-lah hasil titek pelohnya.....dan untok mendapatkan buah pisang itu tadi, ia terpaksa menantikan tiga empat bulan dulu....

Maseh lagi saya ingat teori2 ekonomi yang saya pelajari dulu: bila barang banyak bertambah, harga pasaran tentu-nya akan turun.

Tetapi apa yang berlaku di-dalam bidang lain la-lah: harga2 barang2 run-chit tidak pula turun, malah bertambah naik pula NI

"Mengapa harga pisang kita itu rendah sekali?"

Kawan saya menjawab, "Entah-lah. apa boleh buat..."

Tetapi apa yang menarek perhatian ia-lah kekuasaan orang2 tengah di-dalam bidang ekonomi mashara-

kat di-kampong2.

Tadi kita hanya berbincang tentang keadaan masyarakat dan pembangunan kampong sa-chara am sahaja.

Bagaimana pula tentang angkatan yang muda2 terutama tentang kanak2 dan pelajar2-nya?

Persoalan penting yang kita hadapi sekarang ialah: Apakah kemungkinan2 mereka di-masa depan?

## NLB Persoalan

Mereka-lah yang akan mengambil tempat "angkatan tua" ini kelak: Dan bagaimana pula dasar2 pelajaran dan pengajaran yang telah mereka terima, untuk menyiapkan mereka bagi kemungkinan2 kejayaan hidup untuk masa cepai?

Walau pun di-Semenyeh terdapat sa-buah seko ah Melayu yang benar2 berjaya membuktikan kemajuan-nya, tetapi apakah sudah chukup kalau kita hanya mengharapkan kapada sekolah itu, untuk memajukan masa depan "angkatan muda" ini?

Ini masih merupakan persoalan rumit yang saharusnya kita selesaikan sendiri.

Hal ini tentu-nya terletak pula kapada ketegohan2 dasar mata pencharian seseorang itu.


Tiap2 hidup yang kuchar kachir, atau mata pencharian yang kurang terjamin, kelak akan membawa akibat bukan sahaja kapada jaminan2 hidup di-masa itu, tetapi juga akan membahayakan kemungkinan pelajaran dan masa depan anak2 mereka.

**'Harga pisang tiga tandan chuma'**

**\$1.65 sen sahaja... dan  
kami terpaksa menunggu tiga**



**bulan untuk pokok itu berbuah'**



Tun Abd.

Razak  
(Menteri  
yg paling  
sibok) NLB



**Tanah2 baharu banyak di-buka dan di-bahagi2-kan kapada penduduk kampong.... tetapi kepu-nyaan orang Melayu kebanyakannya "jauh dari ja-  
lan raya."**

NLB

Contact Us Feedback  FAQ



[Report Vulnerability](#)  [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#)

©2025 Government of Singapore

Last Updated 2023-01-31